

PM diberi sambutan istimewa menghadap Maharaja Akihito



ABDULLAH Ahmad Badawi diiringi Marzuki Mohammed Noor turun dari pesawat sebaik tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Haneda untuk lawatan kerja enam hari di Tokyo, semalam.

Daripada ZULKEFLI HAMZAH

TOKYO 22 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja enam hari akan diberi sambutan istimewa apabila diterima menghadap Maharaja Akihito yang kebiasaannya dikhaskan untuk lawatan rasmi sahaja.

Ini merupakan pertemuan pertama Abdullah dengan Maharaja Jepun sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada Oktober 2003. Sambutan itu akan berlangsung di Istana Maharaja, esok.

Sejak menjadi Perdana Menteri, ini adalah lawatan kerja keempat Abdullah ke Jepun. Maharaja Jepun pula dijadual melawat Malaysia pada 11 dan 12 Jun ini.

Duta Malaysia ke Jepun, Datuk Marzuki Mohammed Noor berkata, pada hari yang sama esok, Abdullah memulakan lawatan dengan mengunjungi Pusat Matsushita Panasonic yang antara lain akan memberi peluang kepada delegasi Malaysia melihat produk, penyelidikan dan teknologi masa depan syarikat itu.

"Abdullah juga akan diberi taklimat oleh Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri Jepun mengenai biofuel yang dikembangkan penggu-

naannya di negara ini," katanya kepada wartawan Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia di sini hari ini.

Perdana Menteri yang tiba dari menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF) mengenai Asia Barat, di bandar raya pelabuhan Laut Merah, Sharm El-Sheikh, kata Marzuki, akan diberi gambaran secara menyeluruh penggunaan biofuel dan biodiesel di Jepun termasuk oleh Nippon Oil dan Toyota yang baru-baru ini melakukan kaji selidik mengenai bahan api tersebut.

Diteliti

Katanya, pengalaman Jepun yang merupakan pengeluar automotif kedua terbesar dunia dalam aspek penggunaan bahan api itu sangat penting untuk diteliti oleh Malaysia.

Beliau berkata, pada hari ketiga lawatannya Perdana Menteri akan mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya, Junichiro Koizumi yang dijadual berbincang mengenai isu dua hala, serantau dan antarabangsa.

Pada hari berikutnya, kata Marzuki, Perdana Menteri sekali lagi diberi penghormatan untuk memberikan ucapan bertajuk *Menuju Masyarakat Asia - Konsep dan Prospek pada Persidangan Antarabangsa Nikkei*

ke-12.

"Sebagai duta di sini sangat berbangga kerana ini merupakan persidangan sektor korporat yang melibatkan banyak kepentingan di rantau ini.

"Malaysia terus diberi keistimewaan untuk memberikan ucapan," jelasnya sambil menambah Abdullah turut menghadiri makan tengah hari dan malam yang turut dihadiri oleh tokoh-tokoh korporat.

Marzuki menambah, input-input dari Malaysia pada persidangan bertema *Masa Depan Asia* anjuran *Nihon Keizai Shimbun*, sebuah akhbar perniagaan berpengaruh di Jepun itu sangat relevan kerana Malaysia juga masih merupakan pengerusi Sidang Kemuncak Asia Timur.

Selain Koizumi, turut hadir pada persidangan itu ialah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew dan Naib Presiden Indonesia, Jusuf Kalla.

Pada akhir lawatannya, Abdullah akan berucap pada siri syarahan U Thant anjuran United Nations University (UNU), Jepun dengan topik *Islam Hadhari* yang dihadiri oleh ahli akademik, duta serta pelajar dan disiarkan secara langsung menerusi web TV universiti itu.